

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH  
[BUKIT GELUGOR - DAP]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019 ( KHAMIS)**

**SOALAN NO. 23**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan secara terperinci berkenan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk membangunkan skim perlindungan atlet dan bekas atlet termasuk memperkenalkan skema pencen untuk bekas atlet negara dan negeri untuk mengiktiraf sumbangan mereka kepada sukan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menghargai jasa dan pengorbanan atlet-atlet negara yang sentiasa bekerja keras bagi mengharumkan nama negara di persada antarabangsa. Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) menyediakan Skim Perlindungan Kemalangan Diri Berkelompok dan Skim Kebajikan Atlet Kebangsaan (SKAK) untuk atlet-atlet di bawah Program MSN.
2. **Skim Perlindungan Kemalangan Diri Berkelompok** ini meliputi perlindungan seperti bayaran bil hospital, khairat kematian, hilang upaya kekal, hilang upaya sementara, perbelanjaan perubatan, kos penghantaran balik mayat dari luar negeri, perbelanjaan pengkebumian serta kos ambulan.
3. MSN juga mengambil inisiatifnya tersendiri dengan mewujudkan **Skim Kebajikan Atlet Kebangsaan** (SKAK) untuk menjaga kebajikan atlet semasa dalam skala yang kecil. Skim ini memberi manfaat seperti khairat kematian, hilang punca pendapatan, bencana alam dan rawatan penyakit seperti penyakit kanser, serangan jantung, buah pinggang, angin ahmar, lumpuh dan kencing manis. Selain itu, SKAK ini turut memberi bantuan berupa khairat kematian kepada ahli keluarga terdekat atlet iaitu ibu, bapa, suami, isteri dan anak.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) telah diperkenalkan sejak tahun 1986 bagi memberi dorongan kepada para atlet untuk meningkatkan prestasi masing-masing di peringkat antarabangsa, khususnya di temasya Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan SEA serta kejohanan-kejohanan individu di peringkat Asia, Komanwel dan Dunia.
5. Bagi atlet Sukan Olimpik, Skim Imbuhan Tetap Olimpik (SITO) telah diperkenalkan pada tahun 2006 bagi menghargai pengorbanan atlet-atlet negara. Pemenang-pemenang pingat di temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik akan menerima elauan bulanan sepanjang hayat

## **SOALAN NO. 23**

mereka. Pemenang pingat emas akan menerima elau RM5,000, pingat perak RM3,000 dan pingat gangsa RM2,000 bagi setiap bulan.

6. Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) ditubuhkan untuk memastikan hal-ehwal kebajikan bekas-bekas atlet dijaga dengan sebaiknya. YAKEB menyediakan skim bantuan khas seperti bantuan tunai bencana, melangsungkan perkahwinan, bantuan alatan seperti alat tiruan atau alat sokongan perubatan, pampasan kematian untuk ahli, rawatan perubatan hospital (*inpatient* dan *outpatient*) serta bantuan melanjutkan pelajaran di peringkat sijil, diploma dan ijazah. Pemegang kad *privilege* YAKEB boleh mendapatkan diskaun bagi panel-panel yang telah dilantik seperti perhotelan, restoran, pelancongan dan sebagainya.

7. Pada 27 Februari 2019, kerajaan telah bersetuju untuk memberikan suntikan dana kewangan sebanyak RM3 juta kepada YAKEB untuk memastikan hal-ehwal kebajikan bekas-bekas atlet dijaga dengan sebaiknya. Kerajaan bersetuju untuk memberikan kemudahan perubatan dan kesihatan kepada atlet dan juga bekas atlet kebangsaan seperti mana dinikmati oleh penjawat-penjawat awam. Skim Kemudahan Perubatan dan Kesihatan yang telah diperkenalkan ini akan memberikan rawatan setaraf kakitangan kerajaan bagi membela wira sukan negara. Skim ini akan membabitkan rawatan pesakit luar dan dalam hospital setaraf dengan kakitangan B kerajaan kepada 3,000 bekas atlet negara.

8. Manakala bagi atlet negeri pula, skim perlindungan dan kebajikan adalah di bawah budi bicara kerajaan negeri.

Sekian, terima kasih.